



## **KENYATAAN MEDIA**

### **SESI LIBAT URUS KPWKM BERSAMA PERTUBUHAN SUKARELA KEBAJIKAN (OKU)**

**PUTRAJAYA, 26 Februari** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan sesi libat urus bersama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) Orang Kurang Upaya (OKU). Objektif sesi libat urus kepada PSK OKU adalah bagi memberi penerangan berkaitan penambahbaikan perkhidmatan OKU serta pelaksanaan program rintis bayaran bantuan kewangan tanpa tunai (*Cashless*) atau dikenali sebagai JKMPay. Sesi ini juga adalah bagi mendapatkan maklumbalas untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan Kementerian kepada OKU.

Perbincangan semasa sesi libat urus tersebut telah banyak menyentuh mengenai JKMPay. Penjelasan mengenai siapa yang terlibat dalam program JKMPay, bagaimana ianya dilaksanakan dan apakah perkhidmatan yang disediakan di bawah JKMPay telah dijelaskan secara terperinci.

KPWKM melalui JKJ akan terus memantapkan proses pendigitalan penyampaian perkhidmatan awam selari dengan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) di bawah Pemangkin Dasar 4, Rancangan Malaysia (RMK) Ke-12 iaitu bagi mempercepatkan penyampaian perkhidmatan awam supaya keberhasilan perkhidmatan dapat memberikan kesejahteraan rakyat seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama.

KPWKM juga mengambil maklum terhadap isu-isu berbangkit kumpulan sasar Kementerian dengan menggunakan pendekatan “*The Whole Government and Whole of Nation*” supaya penggembleran tenaga pelbagai pihak seperti PSK, agensi, korporat, pemimpin tempatan dan komuniti dimanfaatkan bagi menjayakan program khususnya penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada kumpulan sasar Kementerian.

**###**

**Unit Perhubungan Awam**

Jabatan Kebajikan Masyarakat

No. 55, Persiaran Perdana,

Presint 4, PUTRAJAYA

26 Februari 2022